

# Syor naik usia persaraan ditolak

Pelbagai pihak mahu kerajaan teliti isu sosial, kemampuan adaptasi teknologi canggih

Oleh Suraya Roslan dan Noor Atiqah Sulaiman  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Cadangan pegawai Bank Dunia supaya Malaysia meningkatkan had usia persaraan ketika ini daripada 60 kepada 65 tahun, ditolak pelbagai pihak.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Mohd Khairul Adib Abd Rahman, berkata pelbagai faktor perlu dikaji terlebih dahulu jika mahu melaksanakan cadangan itu.

"Kita kena kaji laporan dan asasnya serta lihat isu sosial yang ada sekarang. Kena lihat juga jangkaan umur serta daripada segi demografi negara.

"Walaupun ini cadangan Bank Dunia, kita perlu lihat terlebih

dahulu sebelum melaksanakannya," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Khairul Adib berkata, bagaimanapun pihaknya tidak menolak pelaksanaan cadangan berkenaan pada masa akan datang, sekiranya ada keperluan berbuat demikian.

"Jika ada keperluan untuk berbuat demikian dan lihat pada segi demografi pengangguran pada masa itu, mungkin kita boleh laksanakan.

"Kita kini sangat sensitif dengan kedudukan kewangan negara dan buat masa ini belum ada perbincangan rasmi mengenai hal itu dan kita belum mahu laksanakan," katanya.

Sebelum ini, Wakil dan Pengerus Negara Kumpulan Bank Dunia di Malaysia, Firas Raad, dilaporkan berkata Malaysia perlu meneliti semula dasar had usia persaraan, berikutan statusnya sebagai negara mempunyai masyarakat berusia atau menua.

Beliau berkata, aspek demografi Malaysia berganjak ke era dengan kadar kesuburan dan kematian rendah berbanding paras lebih tinggi sebelum ini.

Ketika ini, Malaysia menetapkan had umur persaraan pada usia 60 tahun.



Mohd Khairul Adib Abd Rahman

Mengulas cadangan itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Adnan Abu, berpendirian usia persaraan penjawat awam tidak perlu dinaikkan kepada 65 tahun.

"Skim persaraan penjawat awam sudah tiga kali diubah dalam tempoh 20 tahun. Kali pertama, persaraan penjawat awam dilanjutkan daripada 55 kepada 56 tahun pada 2001.

"Diikuti tujuh tahun kemudian apabila usia persaraan dilanjutkan daripada 56 kepada 58 tahun pada 2008, manakala empat tahun kemudian sekali lagi mengalami perubahan daripada 58 kepada 60 tahun," katanya.

Adnan berkata, CUEPACS ber-

pendapat sebahagian besar individu dalam lingkungan usia 60 tahun ke atas, berdepan dengan beberapa kekangan berkaitan pekerjaan, termasuk faktor kesihatan serta perlu mengadaptasi teknologi baharu yang semakin canggih.

"Ketetapan untuk mengekalkan had usia persaraan perkhidmatan awam ini juga mengambil kira pelbagai pertimbangan lain termasuk memberi peluang pekerjaan kepada lebih banyak generasi muda yang berkemahiran dan berbakat.

"Kemasukan kakitangan muda sudah pasti sedikit sebahagian menyumbang kepada peremajaan sistem perkhidmatan awam sesuai dengan keadaan semasa," katanya.

Adnan berkata, penjawat awam boleh membuat keputusan untuk bersara mengikut pilihan sendiri pada bila-bila masa yang difikirkan perlu, walaupun belum mencapai usia 60 tahun.

"Bagaimanapun, kita akui menerima begitu banyak cadangan daripada pelbagai pihak, termasuk wakil pekerja di sektor swasta supaya had usia persaraan dinaikkan.

"Cadangan ini timbul kerana ramai rakyat Malaysia masih lagi memiliki baki pinjaman perumahan yang banyak walaupun menghampiri usia persaraan malah

ada yang terpaksa membuat pinjaman perumahan sehingga umur 65 tahun," katanya.

Katanya, rata-rata mereka ini bimbang tidak mempunyai pendapatan dan wang mencukupi selepas bersara kerana masih lagi perlu membayar hutang rumah.

"Perkara ini berlaku disebabkan harga rumah yang sangat mahal ketika ini, selain skim gaji yang rendah.

"Gaji yang rendah memberi kesan kepada simpanan hari tua mereka sama ada memiliki simpanan KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) atau pencen yang diterima jika mereka penjawat awam.

"Untuk mengatasi masalah ini kita berharap kerajaan dapat meningkatkan had gaji minimum ke tahap yang lebih baik," katanya.

Sementara itu, kira-kira 70 peratus daripada pembaca yang mengambil bahagian dalam tinjauan BH menerusi Facebook dan Twitter tidak bersetuju dengan cadangan meningkatkan had usia persaraan.

Ramai menganggap tindakan itu menghalang peluang pekerjaan untuk generasi muda, selain menyulitkan golongan berusia menyesuaikan diri dengan teknologi yang semakin canggih.